



11 OCT, 2024

SDSIE bantu lonjak cukai import, eskport RM48.9b

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

SDSIE bantu lonjak cukai import, eskport RM48.9b

KLANG: Kutipan cukai import dan eksport negara meningkat sehingga RM48.9 bilion dalam tempoh sembilan bulan pada tahun ini dengan lebih sebanyak RM6.54 bilion daripada sasaran RM42.4 bilion.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin berkata, peningkatan tersebut susulan pelaksanaan Sistem Dokumen Sokongan Import Eksport (SDSIE) yang dibangunkan secara dalam talian.

Menurutnya, sistem tersebut menambah baik tahap kecekapan taksiran serta pelepasan kastam di pintu keluar dan masuk negara.

“Pelaksanaan SDSIE memberikan kesan yang sangat signifikan ke atas peningkatan hasil kerana ia tepat di web-based dan mempercepatkan masa.

“Ini salah faktor selain melihat semula prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan keberkesanan sistem tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas

melancarkan SDSIE, semalam.

Beliau menambah, sistem tersebut dibangunkan untuk mempercepatkan proses taksiran, meningkatkan hasil dan mengurangkan ketirisan dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi.

Jelas Anis Rizana, SDSIE juga dilengkapi dengan keupayaan menyimpan dokumen sokongan import eksport secara digital dan boleh diakses semula pada bila-bila masa bagi tujuan auditan.

“Sehingga kini, lebih daripada 900 buah syarikat dan ejen penghantaran yang terlibat dalam aktiviti import dan eksport di Pelabuhan Klang telah berdaftar sebagai pengguna.

“Ia juga Kita akan memperluaskan ke pelabuhan di Pulau Pinang dan Johor sebelum seluruh negara bermula Januari tahun depan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu sebanyak 5,666 kes dihasilkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 September lalu dengan nilai rampasan termasuk duti berjumlah RM1. 313 bilion.



11 OCT, 2024

SDSIE bantu lonjak cukai import, eskport RM48.9b

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG: Kutipan cukai import dan eksport negara meningkat sehingga RM48.9 bilion dalam tempoh sembilan bulan pada tahun ini dengan lebih sebanyak RM6.54 bilion daripada sasaran RM42.4 bilion. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin berkata, peningkatan tersebut susulan pelaksanaan Sistem Dokumen Sokongan Import Eksport (SDSIE) yang dibangunkan secara dalam talian. Menurutnya, sistem tersebut menambah baik tahap kecekapan taksiran serta pelepasan kastam di pintu keluar dan masuk negara.